

26 JUL 1998

MIC-Pemuda

PEMUDA DAN WANITA MIC SOKONG LANGKAH KERAJAAN TANGANI KEGAWATAN

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Pergerakan Pemuda MIC hari ini meluluskan resolusi lapan perkara termasuk sokongan tidak berbelah bagi kepada pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta usaha kerajaan menangani kegawatan ekonomi.

Perwakilan ke persidangan sehari itu, yang turut menyokong agenda pemulihan yang dilancarkan baru-baru ini berkata, Malaysia telah mencapai pembangunan yang pesat kerana keupayaan Dr Mahathir membangunkan ekonomi melalui perindustrian teknologi tinggi dan teknologi maklumat (IT).

Presiden MIC Datuk Seri Dr S. Samy Vellu merasmikan persidangan pemuda dan wanita parti itu secara serentak di PWTC di sini.

Mengenai pendidikan, lebih 400 perwakilan itu mendesak Kementerian Pendidikan membuka Dana Pendidikan Negara kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Perwakilan juga menyeru Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan supaya membantu sektor industri kecil dan sederhana dengan menubuhkan satu unit khas untuk memberi khidmat nasihat terperinci kepada sektor itu.

Mereka turut mendesak Kementerian-kementerian berkaitan supaya menubuhkan satu unit khas bagi menyelaraskan latihan pembangunan yang sesuai khususnya dalam bidang IT dan komunikasi multimedia untuk lepasan sekolah dan lepasan universiti yang sedang menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan.

Mengenai pekerja ladang, mereka menyeru Kementerian Sumber Manusia memastikan majikan membekalkan prasarana dan gaji yang sewajarnya kepada pekerja memandangkan sektor itu kini menikmati keuntungan yang baik melalui pertukaran asing.

Sementara itu, pergerakan wanita turut meluluskan resolusi enam perkara termasuk sokongan kepada langkah yang diambil Perdana Menteri dalam menangani krisis ekonomi sekarang.

Mereka juga meminta kepimpinan parti melantik semua ketua wanita bahagian sebagai perwakilan ke Perhimpunan Agung Tahunan dan memperuntukkan 15 peratus daripada perlantikan parti ke jawatan anggota majlis pihak berkuasa tempatan bagi wanita memandangkan peranan mereka yang semakin aktif.

Lebih 400 perwakilan wanita yang hadir turut meminta kerajaan memastikan peluang latihan semula diberi kepada wanita yang diberhentikan kerja bagi membolehkan mereka dapat terus membantu menyara keluarga mereka.

Pergerakan itu turut melancarkan buletin Suaranita yang dikeluarkan tiap tiga bulan sekali bagi memberi maklumat mengenai aktiviti parti serta pergerakan itu kepada anggota parti.

-- BERNAMA

RV PR